

## Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa L I M A '11

# LIMA perluas bidang aeroangkasa tempatan - Dr. M

LANGKAWI 6 Dis. - Penganjuran Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) sejak 1991 berjaya mengembangkan sektor industri tempatan khususnya aeroangkasa, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Ma-

hathir Mohamad.

Beliau yang juga pengasas LIMA berkata, syarikat-syarikat tempatan kini berupaya menghasilkan komponen sendiri dan tidak lagi bergantung kepada negara luar.

"Kali ini kita nampak industri aeroangkasa tempatan sudah maju, jauh lebih ke depan dari dulu.

"Kita sudah boleh buat bahagian-bahagian pesawat, kita boleh buat banyak alat elektronik seperti

alat kawalan dan macam-macam lagi," katanya ketika ditemui pemberita semasa melawat LIMA 2011 di sini, hari ini.

Pameran LIMA 2011 dari 6 hingga 10 Disember ini adalah yang terbesar sejak pameran dwi tahu-

nan itu diperkenalkan pada 1991.

Sebanyak 403 syarikat dari 35 buah negara menyertai pameran kali ini yang menyaksikan peningkatan sebanyak 25 peratus berbanding edisi lalu.

Kehadiran pesawat dari luar ne-

gara pula meningkat lebih dua kali ganda berbanding penganjuran dua tahun lalu daripada 11 kepada 26 buah manakala lawatan kapal perang tentera laut luar negara bertambah daripada 10 kepada 12 buah kapal.